

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Tuan Ignatius Dorell Leiking**
[PENAMPANG]

TARIKH : **5 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)**

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Parliamentary Reform yang diumumkan oleh pihak Kerajaan akan setuju untuk mengkaji balik komposisi (composition) Dewan Negara dengan membahagikan ahli-ahli yang dilantik dengan pembahagian 1/3 keahlian Dewan Negara kepada Sabah, 1/3 keahlian kepada Sarawak dan 1/3 keahlian kepada Semenanjung Malaysia.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak berhasrat untuk mengkaji semula komposisi keahlian Dewan Negara. Perkara 45 Perlembagaan Persekutuan telah mengambil kira komposisi terbaik dengan menetapkan 26 orang ahli-ahli yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri-negeri dan 44 orang ahli-ahli yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertua Agong yang pada pendapatnya telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang atau telah mencapai keunggulan dalam profesion, perdagangan, perindustrian, pertanian, aktiviti kebudayaan atau perkhidmatan sosial atau yang mewakili ras minoriti atau berkebolehan mewakili kepentingan orang asli.

Sekian. Terima kasih.